



Rujukan Kami : PMKL.600-1/2 Jld 2 (6)
Tarikh : 28 Mei 2019

Kepada,
Pelajar Sem 2, 3, 4, 5, 6, 7 & Mengulang Kursus Politeknik METRO Kuala Lumpur

Saudara/saudari,

LAPOR DIRI PELAJAR SEM 2, 3, 4, 5, 6, 7 & MENGULANG KURSUS SESI JUN 2019

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacitanya Politeknik METRO Kuala Lumpur (PMKL) ingin mengucapkan **TAHNIAH** kepada saudara/saudari kerana berjaya menyambung pengajian bagi sesi pengajian **JUN 2019**. Adalah dimaklumkan **bahawa tarikh lapor diri bersama Penasihat Akademik/Industri bagi pelajar semester 2, 3, 4, 5, 6, 7 dan mengulang kursus** seperti ketetapan berikut:

Program	Tarikh	Hari	Masa Lapor Diri	Tempat
DHM 5 (WBL)	25 Jun 2019	Selasa	8.00 pagi	Restoran PMKL
DHM 6 (WBL)	26 Jun 2019	Rabu	8.00 pagi	Restoran PMKL
DRM 4A, 4B, 5A & 5B (WBL)	26 Jun 2019	Rabu	8.00 pagi	TTR 4-5
DDT 7 & 8 (LI)	26 Jun 2019	Rabu	8.00 pagi	TECC 2
DRM 2A, 2B, 3A & 3B	1 Julai 2019	Isnin	8.00 pagi	Rujuk P.A
DHM 2, 3 & 4	1 Julai 2019	Isnin	8.00 pagi	Rujuk P.A
DDT 2, 4 & 6	1 Julai 2019	Isnin	8.00 pagi	Rujuk P.A

3. Sehubungan itu, semua pelajar senior Politeknik METRO Kuala Lumpur (PMKL) **DIWAJIBKAN** membuat pra pendaftaran **MELALUI ATAS TALIAN (ONLINE)** mulai **31 Mei 2019** atau selepas **2 hari pembayaran yuran dibuat**. Sila layari **Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik (SPMP)** Politeknik METRO Kuala Lumpur melalui URL <http://spmp.pmkl.edu.my> (icon *i-HELP* dan *i-DAFTAR*) untuk melakukan pendaftaran *online* dan rujuk portal rasmi PMKL <http://pmkl.edu.my> bagi mengetahui tatacara pendaftaran *online* dan jumlah yuran yang perlu dibayar. Pelajar yang tidak mendaftar secara *online* **TIDAK DIBENARKAN** mengikuti kuliah, makmal atau menggunakan sebarang kemudahan Politeknik.

4. Untuk makluman, rekod kehadiran kuliah akan diambil kira bermula pada **tarikh rasmi perkuliahan bermula iaitu pada 1 Julai 2019 (Isnin)**. Saudara/saudari dikehendaki mematuhi peraturan rupadiri sepertimana yang telah ditetapkan semasa lapor diri (Rujuk Buku Panduan & Peraturan Pelajar Politeknik).

5. Kegagalan saudara/saudari mematuhi arahan di atas boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan boleh diambil tindakan di bawah Peraturan Politeknik.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HIKMATULLAH BIN HAJID AHMAD KHAN)

Pengarah

